

# Memupuk Amalan Gaya Hidup Sisa Sifar

Gaya hidup sisa sifar merujuk amalan yang tidak menghasilkan sampah dalam kehidupan seharian. Hal ini bermakna seseorang itu cuba untuk tidak membuat sisa sampah atau mengurangkan sisa sampah yang sedia ada.

Terma sisa sifar mula muncul sejak 50 tahun yang lalu, yakni apabila ahli kimia yang dikenali sebagai Paul Palmer menubuhkan sistem sisa sifar. Idea ini dicetuskan oleh beliau untuk mengitar semula lebihan bahan kimia industri yang dihasilkan oleh syarikat elektronik di Silicon Valley, Amerika Syarikat.

Konsep ini kemudiannya diguna pakai di seluruh dunia untuk melaksanakan sistem pengurusan sisa yang lebih efisien dan lestari.

Masalah pengurusan sampah ini tidak berlaku di Malaysia sahaja, malah di seluruh dunia. Secara puratanya, seorang rakyat

Malaysia telah membuang sisa pepejal sebanyak 1.17 kilogram sehari.

Selain pengurusan sisa sampah yang semakin bertimbun di tapak pelupusan sampah, implikasi masalah sampah juga disebabkan oleh pembakaran terbuka secara berleluasa dan air pasang surut yang membawa sampah hanyut.

Sampah hanyut menjadi ancaman kepada haiwan laut dan menyumbang kepada masalah kesihatan manusia. Hal ini akan berterusan jika punca permasalahan tidak dibendung, terutamanya pembungkusan plastik terhadap barangan basah, penggunaan produk secara berlebihan, kadar pembaik pulih dan kitar semula yang rendah, kekerapan import dan eksport sisa ke negara lain, program kutipan sampah dan barangan kitar semula yang lemah, dan ketiadaan fasiliti atau insentif

kepada pengguna untuk konsep bebas pembaziran (*waste-free*).

Pada tahun 2009, Bea Johnson, seorang pejuang pergerakan sisa sifar mula berkongsi pengalaman beliau dengan mengamalkan sifat sisa sifar atau amalan lestari di rumah bersama-sama ahli keluarganya. Beliau ialah aktivis alam sekitar, pengarang dan penceramah motivasi yang berasal dari Amerika Syarikat. Beliau telah berjaya mengurangkan sampah tahunan keluarganya kepada satu liter yang dikongsi dalam buku *Zero Waste Home: The Ultimate Guide to Simplifying Your Life by Reducing Your Waste*.

Melalui kajian beliau, adaptasi kehidupan sisa sifar ini boleh mengurangkan sebanyak 40 peratus perbelanjaan bulanan dengan meminimumkan had penggunaan keperluan seisi keluarga. Amalan ini dapat mengelakkan pengekstrakan



sumber berlebihan dan mengurangkan jumlah bahan yang dihantar ke tapak pelupusan sampah atau insinerator.

Selain itu, amalan sisa sifar juga berpotensi mengurangkan pelupusan daripada pembuatan, penghantaran atau pelupusan sisa yang merangkumi semua kawasan persekitaran. Beliau turut mencadangkan penggunaan konsep 5R, iaitu *refuse, reduce, reuse, recycle*, dan *rot* berbanding dengan konsep 3R, yakni *reuse, reduce* dan *recycle*.

*Refuse* merujuk menolak barangan yang tidak diperlukan, terutamanya barangan plastik sekali guna seperti straw, cawan pakai buang, bekas makanan plastik, dan beg plastik. Masyarakat hanya perlu melaburkan sedikit wang untuk membeli barangan yang boleh diguna semula seperti straw buluh, botol minuman dan beg runcit guna semula. Memang sukar untuk menolak barangan sekali guna kerana lebih mudah digunakan berbanding dengan membawa beg dan cawan sendiri setiap kali hendak keluar dari rumah.

Seterusnya, sikap obsesi terhadap barangan boleh menyebabkan penggunaan yang berlebihan. Masyarakat boleh mengurangkan pembelian barangan dan mula menimbang konsep sewa-menyewa, menderma dan membuang barangan yang tidak digunakan lagi di sekitar rumah. Individu yang baru berjinak-jinak dengan konsep ini digalakkan untuk memulakan langkah awal secara berperingkat.

Sebagai contohnya, seseorang itu boleh mengasingkan pakaian di dalam almari, membuang atau menderma pakaian yang sudah tidak dipakai. Pengosongan rumah perlu dilakukan secara perlahan-lahan. Pengurangan sisa tidak digalakkan dilakukan dalam tempoh sehari atau pada hujung minggu kerana boleh membekankan mental.

Di samping itu, rakyat Malaysia amat arif tentang konsep pakaian terpakai, yakni mereka membeli pakaian terpakai yang masih elok.

Pakaian terpakai ini sering diolah semula bukan sahaja menjadi pakaian, malah boleh dijahit menjadi skirt, topi, dompet, beg, dan produk lain.

Selain pakaian, masyarakat juga boleh menggunakan semula barangan untuk memanjangkan jangka hayatnya di rumah. Barangan yang digunakan semula biasanya mempunyai nilai sentimental dan sukar untuk dibuang walaupun sudah rosak. Barangan seperti botol minuman dan kotak boleh diolah semula seperti dijadikan kotak pensel atau bekas serba guna. Aktiviti seperti ini boleh dilakukan bersama-sama anak ketika waktu lapang.

Setelah melakukan konsep 3R itu, barulah proses kitar semula dilakukan dengan melupuskan sisa sampah mengikut kategori seperti besi, plastik, kertas, dan organik. Terdapat juga sisa elektronik yang perlu dilupuskan secara khas kerana barangan ini mengandungi bahan kimia bertoksik dan komponen yang boleh dipakai semula untuk menghasilkan barangan elektronik lain.

Di utara Malaysia, syarikat konsesi SWCorp Malaysia yang melaksanakan pengurusan sampah dan kitar semula, iaitu E-Idaman Sdn. Bhd. membantu penduduk mengitar semula bahan buangan dengan menyediakan fasiliti seperti Pusat Kitar Semula Pandu Lalu, penyediaan tong sampah dan kemudahan mengutip sisa besar di samping kemudahan aplikasi idamanXchange.

Namun begitu, amalan mengitar semula kurang diamalkan oleh rakyat Malaysia berbanding dengan masyarakat di Jepun dan Korea yang mempunyai sistem pengasingan sisa kitar semula yang lebih maju serta efisien. Tindakan mengitar semula ini dianggap sukar bagi individu yang tidak pernah mengamalkannya dan hanya dilakukan oleh pihak yang menjadikannya sebagai sumber kewangan alternatif.

Sisa sampah yang mudah mereput di kawasan rumah adalah seperti sisa makanan, rumput dan daun kering. Ketiga-tiga sisa ini boleh dijadikan

sebagai kompos atau baja percuma yang tidak mencemarkan sumber air.

Kompos boleh menghasilkan bau yang tidak enak dan seelok-eloknya dilakukan di kawasan terbuka dan jauh daripada kawasan komuniti. Tambahan pula, kompos perlu sentiasa diperiksa untuk mengelakkan pertumbuhan kulat, menjadi tempat takungan nyamuk serta menghalang hidupan lain daripada mengais sehingga menyebabkan kompos berselerak.

Terdapat pelbagai jenis teknik kompos yang boleh dilakukan. Antaranya termasuklah teknik pengkomposan Bokashi dengan menggunakan serbuk mikroorganisma bermanfaat dan vermikompos dengan menggunakan cacing.

Sementara itu, konsep 5R yang diperkenalkan boleh digunakan oleh masyarakat di Malaysia. Konsep 5R perlu dilakukan dengan tidak terburu-buru. Hal ini dikatakan demikian kerana pendedahan konsep tersebut secara drastik akan memberikan beban kepada masyarakat untuk mengikutinya.

Kedai jualan barangan dapur atau barangan seharian yang berkonsepkan sisa sifar perlu diperbanyakkan di lokasi luar bandar supaya lebih banyak pengguna berminat untuk mengamalkan budaya ini. Kini, banyak kedai yang telah menawarkan konsep bawa bekas sendiri untuk pembelian secara runcit di kawasan metropolitan seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Oleh itu, kerajaan perlu memainkan peranan dengan cara berkolaborasi dengan syarikat penghijauan yang ingin membantu masyarakat di negara ini. Sebagai permulaan, masyarakat boleh mengitar semula minyak masak terpakai atau barangan elektrik dan elektronik yang telah rosak, tidak berfungsi atau usang.

Oleh sebab itu, adalah menjadi tanggungjawab masyarakat dalam menjayakan setiap program penghijauan yang diadakan oleh kerajaan ataupun agensi lain bagi membantu memulihkan ekosistem di Malaysia. <sup>20</sup>